



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


2 MAC 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 2,236 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 343,948 kes. Sebanyak 24 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu tujuh (7) kes di Penampang, empat (4) kes di Kota Kinabalu, tiga (3) kes di Sandakan, dua (2) kes di Kudat serta Ranau dan masing-masing satu (1) kes di Kuala Penyu, Telupid, Kinabatangan, Tawau, Nabawan dan Keningau. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 4,297 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 297,926 orang. Manakala 1,596 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,006 orang di hospital, 572 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 16 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 75 orang merangkumi 66 di ICU/repurposed kritikal care serta sembilan (9) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 26 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah merekodkan sedikit peningkatan jangkitan baharu hari ini sebanyak 78 kes dan menjadikan jumlah keseluruhan kes baharu sebanyak 2,236 kes. JKNS menjangkakan jumlah kes baharu dalam beberapa hari akan datang akan berlegar di sekitar angka kes hari ini, sama ada meningkat sedikit ataupun turun sedikit. Kadar atau nilai RT semasa di Sabah semakin stabil pada 1.0.
- b. Satu (1) kluster institusi pendidikan iaitu Kluster Jalan Kiulu yang berlokaliti di Tuaran diisyiharkan tamat hari ini oleh pihak JKNS. Dengan itu, jumlah kluster-kluster yang masih aktif di Sabah berbaki 41 kluster.
- c. Tujuh (7) daerah mencatatkan kes tiga (3) angka iaitu Kota Kinabalu 781 kes, Tuaran 170 kes, Penampang 138 kes, Kota Belud 113 kes, Papar 110 kes, Keningau 108 kes dan Tawau 103 kes. Sebanyak 17 daerah pula mencatatkan kes dua (2) angka, manakala tiga (3) daerah lagi iaitu Kunak, Semporna dan Kalabakan mencatatkan kes satu (1) angka sahaja.
- d. Sebanyak 2,217 atau 99.16% daripada 2,236 kes-kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, lapan (8) kes dalam Kategori 3, lapan (8) kes dalam Kategori 4 dan tiga (3) kes dalam Kategori 5.
- e. Setakat ini, PICKids Sabah telah berjaya melaksanakan pemberian vaksin kepada 51,049 kanak-kanak daripada 411,400 kanak-kanak berumur antara 5-11 tahun yang layak divaksin. Sebanyak 301 kes hari ini melibatkan kanak-kanak bawah umur 11 tahun yang belum divaksin, dengan 168 daripadanya merupakan kanak-kanak yang belum layak mendapat vaksin (bawah umur 5 tahun).
- f. Selamat menjalani peperiksaan SPM 2021 kepada semua pelajar Tingkatan 5 yang bermula hari ini. Moga saudara-saudari mencapai kerjayaan cemerlang dalam peperiksaan tersebut. Amatlah diharapkan agar guru-guru dan pelajar-pelajar mematuhi semua SOP yang berkuatkuasa.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Bil. | Kategori Saringan | Bilangan Kes | Peratusan |
|---------------|--------------------|--------------|-------------|
| 1 | Kluster | 3 | 0.13% |
| 2 | Kontak | 556 | 24.87% |
| 3 | Bergejala | 1,479 | 66.14% |
| 4 | Bersasar | 0 | 0% |
| 5 | Lain-lain Saringan | 198 | 8.85% |
| JUMLAH | | 2,236 | 100% |

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (1 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

| Bil. | Daerah | Catatan Kes 01/03/2022 | Catatan Kes 02/03/2022 | Perbandingan |
|---------------|---------------|---------------------------|---------------------------|--------------|
| 1 | Kota Kinabalu | 651 | 781 | +130 |
| 2 | Tuaran | 142 | 170 | +28 |
| 3 | Penampang | 111 | 138 | +27 |
| 4 | Kota Marudu | 41 | 64 | +23 |
| 5 | Tawau | 83 | 103 | +20 |
| 6 | Beluran | 17 | 25 | +8 |
| 7 | Nabawan | 18 | 25 | +7 |
| 8 | Kalabakan | 2 | 8 | +6 |
| 3 | Tongod | 13 | 17 | +4 |
| 10 | Sipitang | 45 | 46 | +1 |
| 11 | Kunak | 8 | 9 | +1 |
| 12 | Kuala Penyu | 49 | 49 | mendatar |
| 13 | Kinabatangan | 17 | 17 | mendatar |
| 14 | Putatan | 100 | 58 | -42 |
| 15 | Beaufort | 130 | 97 | -33 |
| 16 | Papar | 135 | 110 | -25 |
| 17 | Keningau | 130 | 108 | -22 |
| 18 | Sandakan | 88 | 75 | -13 |
| 19 | Semporna | 17 | 8 | -9 |
| 20 | Telupid | 30 | 21 | -9 |
| 21 | Kota Belud | 120 | 113 | -7 |
| 22 | Tenom | 60 | 54 | -6 |
| 23 | Kudat | 25 | 21 | -4 |
| 24 | Tambunan | 22 | 18 | -4 |
| 25 | Ranau | 47 | 46 | -1 |
| 26 | Pitas | 25 | 24 | -1 |
| 27 | Lahad Datu | 32 | 31 | -1 |
| JUMLAH | | 2,158 | 2,236 | +78 |

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Kategori Kes | | | | | Bilangan Kes Baharu | Kes Terkumpul 14 Hari |
|---------------|------------------|-----------------|--------------------|-------------------|--------------------|---------------------|-----------------------|
| | Saringan Kluster | Saringan Kontak | Saringan Bergejala | Saringan Bersasar | Lain-lain Saringan | | |
| Kota Kinabalu | 0 | 116 | 602 | 0 | 63 | 781 | 14696 |
| Tuaran | 0 | 75 | 77 | 0 | 18 | 170 | 4783 |
| Penampang | 0 | 37 | 98 | 0 | 3 | 138 | 5862 |
| Kota Belud | 0 | 24 | 82 | 0 | 7 | 113 | 2281 |
| Papar | 0 | 93 | 17 | 0 | 0 | 110 | 4014 |
| Keningau | 3 | 30 | 61 | 0 | 14 | 108 | 2064 |
| Tawau | 0 | 6 | 84 | 0 | 13 | 103 | 3045 |
| Beaufort | 0 | 19 | 73 | 0 | 5 | 97 | 2123 |
| Sandakan | 0 | 0 | 75 | 0 | 0 | 75 | 2404 |
| Kota Marudu | 0 | 30 | 27 | 0 | 7 | 64 | 1408 |
| Putatan | 0 | 16 | 39 | 0 | 3 | 58 | 2838 |
| Tenom | 0 | 12 | 39 | 0 | 3 | 54 | 945 |
| Kuala Penyu | 0 | 31 | 15 | 0 | 3 | 49 | 867 |
| Ranau | 0 | 12 | 24 | 0 | 10 | 46 | 1264 |
| Sipitang | 0 | 17 | 27 | 0 | 2 | 46 | 776 |
| Lahad Datu | 0 | 6 | 15 | 0 | 10 | 31 | 1763 |
| Beluran | 0 | 7 | 9 | 0 | 9 | 25 | 563 |
| Nabawan | 0 | 10 | 13 | 0 | 2 | 25 | 455 |
| Pitas | 0 | 0 | 22 | 0 | 2 | 24 | 574 |
| Telupid | 0 | 3 | 11 | 0 | 7 | 21 | 476 |
| Kudat | 0 | 1 | 16 | 0 | 4 | 21 | 359 |
| Tambunan | 0 | 4 | 8 | 0 | 6 | 18 | 667 |
| Tongod | 0 | 0 | 17 | 0 | 0 | 17 | 341 |
| Kinabatangan | 0 | 6 | 7 | 0 | 4 | 17 | 344 |
| Kunak | 0 | 1 | 7 | 0 | 1 | 9 | 383 |
| Semporna | 0 | 0 | 7 | 0 | 1 | 8 | 204 |
| Kalabakan | 0 | 0 | 7 | 0 | 1 | 8 | 97 |
| JUMLAH | 3 | 556 | 1,479 | 0 | 198 | 2,236 | 55,596 |

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

| Daerah | Nama Kluster | Jumlah Kes Baharu |
|---------------|-----------------------|-------------------|
| Keningau | Kluster Bukit Langsat | 3 |
| Jumlah | | 3 |

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 4,055 unit

- Hospital 1,792 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,967 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 268 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 39.836%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 2 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

| Import/Tempatan | |
|------------------------------------|-------|
| Tempatan | 2,199 |
| Import A (Jangkitan Luar Malaysia) | 1 |
| Import B (Jangkitan Luar Sabah) | 3 |
| Orang Dalam Tahanan /Banduan | 33 |
| Jumlah | |
| 2,236 | |

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)

| | |
|---------------|---|
| Filipina | 1 |
| Jumlah | |
| 1 | |

Import B (Jangkitan Luar Sabah)

| | |
|---------------|---|
| WP Labuan | 2 |
| Jumlah | |
| 1 | |
| 3 | |

ii. Kewarganegaraan

| Kewarganegaraan | |
|-----------------|--------------|
| Malaysia | 2,163 |
| Bukan Malaysia | 73 |
| Jumlah | 2,236 |

iii. Status Vaksinasi

| Status Vaksinasi | |
|-----------------------------------|--------------|
| Belum Layak Vaksin (Bawah 5) | 168 |
| Belum Menerima Vaksin (5-11) | 133 |
| Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun) | 108 |
| Menerima 1 Dos | 20 |
| Lengkap 2 Dos | 1,247 |
| Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak | 560 |
| Jumlah | 2,236 |

iv. Umur

| Umur (Tahun) | |
|---------------|--------------|
| <1 | 38 |
| 1-4 | 130 |
| 5 -11 | 149 |
| 12-17 | 89 |
| 18-29 | 510 |
| 30-39 | 589 |
| 40-49 | 338 |
| 50-59 | 185 |
| 60-69 | 121 |
| 70-79 | 61 |
| 80-89 | 23 |
| >90 | 3 |
| Jumlah | 2,236 |

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 1 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 17,337 orang. Daripada jumlah ini, seramai 14,315 orang adalah penduduk dewasa, 91 orang adalah penduduk remaja 2,931 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 1 Mac 2022 adalah seramai 2,509,439 orang. Ini meliputi 2,119,428 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.02% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,413,599 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,099,900 orang atau 77.30% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 338,962 orang atau 79.53% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,699 atau 73.60% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 51,049 atau 12.41% orang telah menerima 1 dos vaksin.
- 5 Walaupun kes baharu harian dalam Kategori 4 dan 5 hanya di bawah 1%, namun 95% daripada pesakit bagi kategori ini merupakan golongan yang belum menerima dos penggalak.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **683,265** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Sebanyak lima (5) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.
 - Tiga (3) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
 - Dua (2) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis.
- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 206 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 48 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Perikanan 1985 Dan Akta Imigresen 1959/63
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1036 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun dikeluarkan oleh PBT. Tiada notis/amaran dikeluarkan oleh PBT
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 1, 226 premis perniagaan dan 2,603 individu di 18 kawasan. Dua (2) kompaun dikenakan ke atas individu dengan kesalahan individu gagal mendaftar masuk premis menggunakan aplikasi MySejahtera atau Buku Pendaftaran di Asia City. Tiada kompaun dikenakan ke atas premis.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 94 Premis Perniagaan melibatkan 38 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 146 anggota.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan enam (6) buah BBP pada hari ini.

- 7 Sejumlah 197 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 401 hebahan di seluruh Sabah

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.1%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1 | Semporna | 98.4% |
| 2 | Beluran | 98.3% |
| 3 | Kota Marudu | 98.3% |
| 4 | Kudat | 98.2% |
| 5 | Tawau | 98.2% |
| 6 | Kunak | 98.2% |
| 7 | Tenom | 98.2% |
| 8 | Kinabatangan | 98.2% |
| 9 | Lahad Datu | 98.1% |
| 10 | Sipitang | 98.1% |
| 11 | Sandakan | 98.1% |
| 12 | Beaufort | 98.1% |
| 13 | Papar | 98.1% |
| 14 | Keningau | 98.1% |
| 15 | Penampang | 98% |
| 16 | Kota Belud | 98% |
| 17 | Tuaran | 98% |
| 18 | Ranau | 98% |
| 19 | Kota Kinabalu | 98% |

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**